

Pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA

Menyediakan kemudahan Pembiayaan Boleh Ubah bagi melanjutkan pengajian sepenuh masa/ separa masa/ PJJ di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi dalam negara.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1) Kelayakan Asas

- Warganegara Malaysia
- Anggota koperasi yang berdaftar bawah ANGKASA / anak anggota koperasi / kakitangan ANGKASA / anak kakitangan ANGKASA
- Telah menerima surat tawaran pengajian dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi
- Hanya pemohon yang belum menerima sebarang penajaan dari lain-lain penaja layak memohon.
- Maksimum empat (4) tahun pengajian (bagi mod pengajian sepenuh masa sahaja)

2) Kelayakan Umur

Syarat-syarat Permohonan	Umur
1) Anak anggota koperasi (ahli ANGKASA) dan anak kakitangan ANGKASA 2) Anggota koperasi (ahli ANGKASA) dan kakitangan ANGKASA	Tidak Melebihi 25 tahun Tidak Melebihi 40 tahun

3) Kelayakan Akademik

Syarat-syarat Akademik
<ul style="list-style-type: none">• Lulus Pra Ijazah / Matrikulasi / Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK/ CGPA 3.00; atau• Lulus STPM atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya (B-) dalam matapelajaran Pengajian AM dan 2 matapelajaran yang lain; atau• Lulus STAM atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya (5) kelulusan Jyyid-Jiddan dari mana-mana matapelajaran dan berpengetahuan dalam bidang pengkomputeran dan Bahasa Inggeris.

4) BIDANG PENGAJIAN

Keutamaan diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti bidang pengurusan kewangan, pengurusan perniagaan, pengurusan pelaburan, perakaunan, ICT, undang-undang, kejuruteraan, bioteknologi atau bidang-bidang yang relevan dengan pembangunan koperasi.

5) KEISTIMEWAAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA

1. Pembiayaan boleh diubah kepada Biasiswa berdasarkan pencapaian kelas dan gred pengijazahan adalah seperti berikut:

SISTEM KELAS PERATUS PERUBAHAN KEPADA BIASISWA

<i>Pertama</i>	100% Biasiswa
<i>Kedua Atas</i>	75% Biasiswa
<i>Kedua Bawah</i>	50% Biasiswa
<i>Lain-lain</i>	100% Pembiayaan

2. Pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA tidak dikenakan sebarang faedah atau caj perkhidmatan